



## HUKUM MENYAMBUT TETAMU KAFIR PENJAJAH

Sejak lebih sebulan yang lepas, keadaan politik di Indonesia gamat dengan isu kunjungan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama ke negara yang pernah menjadi tempat tinggalnya semasa kanak-kanak dahulu. Kedatangan Obama ke Indonesia yang dijadualkan pada 20-22 Mac lalu, telah mendapat reaksi yang pelbagai dari kalangan gerakan Islam dan umat Islam di Indonesia. Ada yang menyokong dan ada yang menentang. Antara gerakan Islam terbesar yang menyokong kedatangan Obama adalah Nahdhatul Ulama dan juga Muhammadiyah, atas alasan bahawa Obama adalah tetamu dan Islam adalah agama yang memuliakan tetamu. Manakala Hizbut Tahrir Indonesia pula telah menganjurkan dialog secara massa dan menggerakkan para ulama dan umat Islam di seluruh Indonesia untuk membantah kedatangan pegganas nombor satu dunia itu. Di saat akhir, Presiden AS itu telah menanggungkan (bukan membatalkan) lawatannya atas alasan ada perkara penting di dalam negara yang beliau perlu selesaikan terlebih dahulu. Hizbut Tahrir mengemukakan pandangan bahawa penolakan terhadap kedatangan raja pegganas dunia itu adalah kerana hukum syarak dengan begitu jelas melarang umat Islam dari menyambut atau memuliakan tetamu yang merupakan *kafir harbi fi'lan*, musuh Allah, musuh RasulNya dan musuh umat Islam. Sautun Nahdhah kali ini memetik artikel yang dikeluarkan oleh Lujnah Tsaqafiyah Hizbut Tahrir Indonesia yang telah disunting ke dalam Bahasa Malaysia berhubung isu tersebut. Semoga ianya bermanfaat untuk kita semua dalam memahami dan menentukan sikap ke atas mana-mana pun musuh Allah apabila mereka ingin berkunjung ke negara kita.

\*\*\*\*\*

Salah satu kewajiban yang dibebankan syariat kepada kaum Muslimin adalah menyambut dan memuliakan tetamu. Imam Bukhari dan Muslim menuturkan sebuah riwayat dari Abu Hurairah ra, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, *"Barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhir, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya. Barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhir, maka hendaklah ia menyambung tali persahabatan; dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhir maka hendaklah ia berkata yang baik-baik sahaja atau hendaklah ia diam sahaja"*. Dalam riwayat yang lain, Rasulullah SAW bersabda, *"Barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhir, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya pada saat istimewa. Para sahabat bertanya, 'Wahai Rasulullah SAW, apakah saat istimewa itu?' Baginda menjawab, 'Hari dan malam pertamanya. Bertamu itu adalah tiga hari. Kalau lebih dari tiga hari, maka itu adalah sedekah'"* [HR Bukhari dan Muslim]. Semua tetamu wajib disambut dan dimuliakan serta dihormati berdasarkan nas-nas hadis di atas. Persoalannya, bagaimana jika tetamu yang hendak berkunjung adalah penguasa-penguasa kafir imperialis yang telah terbukti menzalimi, menganiaya, menjajah, malah membunuh kaum Muslimin dan senantiasa berusaha menghina kesucian agama Islam? Apakah ketentuan-ketentuan dalam hadis di atas tetap berlaku? Jawapannya, seorang Muslim dilarang (haram) menyambut dan memuliakan tetamu dari kalangan penguasa kafir imperialis seperti itu. Adapun dalil-dalil mengenai larangan ini adalah sebagaimana berikut:-

**Pertama:** Larangan menampakkan kesetiaan dan kasih sayang kepada orang-orang kafir, lebih-lebih lagi kafir imperialis yang menyedut harta dan darah kaum Muslimin. Allah SWT berfirman, *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuhmu menjadi teman-teman setia yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad), kerana rasa kasih sayang. Padahal sesungguhnya mereka telah ingkar kepada kebenaran yang datang kepadamu, mereka mengusir Rasul dan (mengusir) kamu karena kamu beriman kepada Allah, Tuhanmu. Jika kamu benar-benar keluar untuk berjihad di jalanKu dan mencari keridhaanKu (janganlah kamu berbuat demikian)"* [TMQ al-Mumtahanah (60):1]. FirmanNya yang lain, *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil menjadi teman kepercayaanmu orang-orang yang di luar kalanganmu (kerana) mereka tidak henti-henti (menimbulkan) kemudaratannya bagi mu. Mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian dari mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sungguh telah Kami terangkan kepadamu ayat-ayat (Kami), jika kamu memahaminya. Beginilah kamu, kamu menyukai mereka, padahal mereka tidak menyukai kamu, dan kamu beriman kepada kitab-kitab semuanya. Apabila mereka menjumpai kamu, mereka berkata, "Kami beriman" walhal apabila mereka menyendiri, mereka menggigit hujung jari lantaran marah bercampur benci terhadap kamu. Katakanlah (kepada mereka), "Matilah kamu kerana kemarahanmu itu". Sesungguhnya Allah mengetahui segala isi hati"* [TMQ Ali Imran (3):118-119].

Kunjungan Barack Obama - penguasa kafir imperialis yang telah membunuh ribuan kaum Muslimin di Iraq, Afghanistan dan pendukung utama negara teroris Israel, jelas-jelas harus ditolak dan jika ia tetap datang, tidak boleh disambut dengan sambutan hormat dan kemuliaan. Ini kerana, dia merupakan musuh Islam dan kaum Muslimin. Selain itu, kunjungannya ke Indonesia diduga kuat akan membawa agenda-agenda jahat, seperti liberalisasi ekonomi, demokrasi serta tekanan-tekanan politik yang akan merugikan rakyat Indonesia khususnya umat Islam umumnya. Lalu, bagaimana mungkin kita akan menerima kunjungannya dan menampakkan rasa hormat dan menyambutnya dengan sambutan kasih sayang, sedangkan orang yang ingin melakukan kunjungan

itu adalah seorang penguasa kafir yang zalim dan pegganas terhadap umat Islam?

**Kedua:** Larangan menyakiti kaum Muslimin. Menerima dan menyambut Barack Obama di negeri ini, tentu sahaja akan menambah penderitaan dan rasa sakit kaum Muslimin yang di kala ini sedang berhadapan dengan penjajahan tentera Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya di Iraq, Afghanistan, Pakistan, Palestin dan negeri-negeri kaum Muslimin lainnya. Padahal, Allah dan RasulNya telah melarang kaum Muslimin menyakiti saudaranya sendiri baik dengan ucapan mahupun tindakannya. Allah SWT berfirman, *"Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang Mukmin dan Mukminat tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata"* [TMQ al-Ahzab (33):58]. Nabi SAW bersabda, *"Seorang Muslim adalah saudara Muslim yang lain, ia tidak akan menzaliminya dan tidak akan menyerahkannya (kepada musuh). Barang siapa berusaha memenuhi keperluan saudaranya maka Allah akan memenuhi keperluannya. Barang siapa yang menghilangkan kesusahan dari seorang Muslim maka dengan hal itu Allah akan menghilangkan salah satu dari kesusahannya di Hari Kiamat. Barang siapa yang menutupi aib seorang Muslim maka Allah akan menutupi aibnya di Hari Kiamat"* [HR Bukhari dan Muslim].

Menerima kunjungan Barack Obama tidak hanya menyakiti saudara-saudara Muslim di negeri-negeri yang secara langsung dizalimi dan dijajah oleh AS, tetapi ini juga akan "menyerahkan saudara-saudara Muslim kita" kepada musuh Islam. Lantas, bagaimana mungkin penguasa negeri ini menerima kunjungan Barack Obama, dan menyambutnya dengan sambutan kenegaraan? Sesungguhnya hanya orang-orang munafik sahajalah yang memiliki kasih sayang dan rasa hormat kepada musuh-musuh Allah dan kaum Muslimin.

**Ketiga:** Kewajipan membela saudara Muslim yang tidak berada berhampiran dengan kita. Rasulullah SAW bersabda, *"Barangsiapa yang membela saudaranya saat ia tidak ada berhampirannya, maka Allah akan membelanya di dunia dan di akhirat"* [HR Imam Asy-Syihab dari Anas bin Malik ra, dalam Musnad Asy-Syihab]. Antara manifestasi dari pembelaan seorang Muslim terhadap saudara-

saudaranya (yang pada waktu ini dijajah dan dianiaya oleh AS) adalah dengan menolak kunjungan ketua negara kafir ini. Hadis riwayat Ishaq bin Rahwiyah dari Asma binti Yazid, ia berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, *“Barang siapa yang melindungi kehormatan saudaranya di kala ia tidak berada di sisinya, maka Allah pasti akan membebaskannya dari api neraka”* [HR Ishaq bin Rahwiyah dari Asma binti Yazid]. Manifestasi pembelaan seorang Muslim terhadap saudaranya di Iraq, Afghanistan, Pakistan, Palestin dan lain-lain yang saat ini sedang menghadapi penjajahan tentera Amerika dan sekutu-sekutunya, adalah dengan tidak menerima kunjungan, kerjasama atau sebarang bentuk campur tangan non-fizik dari penguasa-penguasa kafir imperialis.

### Menepis Kekeliruan

Adapun riwayat-riwayat yang menyatakan bahawa Nabi SAW pernah menerima utusan Musailamah Al-Kazzab (nabi palsu) dan Abu Sufyan (pemimpin kafir Quraisy), riwayat-riwayat ini sering dijadikan hujah bolehnya seorang Muslim menerima kunjungan dan menyambut tetamu dari kalangan kafir penjajah. Padahal dengan pembacaan yang teliti dan saksama, kita dapat memahami dan menyimpulkan bahawa riwayat-riwayat tersebut tidak boleh dijadikan dalil atas hujah mereka. Untuk itu, kami perlu memaparkan dengan agak menyeluruh riwayat tersebut agar tidak ada kesalahan dalam mengambil kesimpulan darinya.

Imam Ahmad dan Abu Dawud menuturkan sebuah riwayat dari Nu'a'im bin Mas'ud al-Asya'iy ra bahawasanya ia berkata, *“Aku pernah mendengar Rasulullah SAW berkata kepada dua orang utusan, ketika beliau SAW membaca surat Musailamah al-Kadzdzab, ‘Apa yang hendak kalian katakan?’ Mereka menjawab, ‘Kami mengatakan seperti apa yang dikatakan oleh Musailamah al-Kazzab.’ Nabi SAW pun bersabda, ‘Demi Allah, seandainya bukan kerana para utusan tidak boleh dibunuh, nescaya akan ku penggal leher kalian berdua”* [HR Ahmad dan Abu Daud]. Di dalam Sunan Abu Daud dikisahkan bahawa, *“Abdullah bin Mas'ud pernah menjalin persahabatan dengan seorang Arab, lalu beliau berkehendak untuk mengunjunginya. Dalam perjalanannya, beliau melewati sebuah masjid milik Bani Hanifah, dan disaksikannya bahawa Bani Hanifah telah menjadi pengikut Musailamah al-Kazzab. Melihat keadaan itu, Abdullah bin Mas'ud ra diutus menemui mereka untuk menyedarkan mereka. Beliau ra pun menemui mereka dan menyedarkan kesesatan dan kekeliruan mereka. Setelah mendapatkan penjelasan dari beliau, semua penduduk Bani Hanifah kembali ke pangkuan Islam, kecuali Ibnu Nawwahah. Ia tetap berkeras mahu menjadi pengikut setia Musailamah al-Kadzdzab. Ibnu Mas'ud ra berkata kepadanya, ‘Aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, ‘Seandainya engkau bukan seorang utusan, nescaya sudah aku penggal lehermu’. ‘Akan tetapi, sekarang ini engkau bukanlah seorang utusan’. Ibnu Mas'ud segera memerintahkan Qurzah bin Ka'ab untuk memenggal leher Ibnu Nawwahah. Dan akhirnya, Ibnu Nawwahah dipenggal lehernya di pasar. Setelah itu, Ibnu Mas'ud berkata, ‘Siapa saja yang ingin mengetahui Ibnu Nawwahah, kini ia telah terbunuh di pasar”*.

Dari paparan seluruh riwayat di atas dapatlah disimpulkan bahawa seorang utusan yang datang ke dalam Negara Islam haruslah mendapat perlindungan (tidak boleh dibunuh), selama mana mereka adalah berkedudukan sebagai utusan (delegasi). Riwayat ini dengan jelas berhubungan dengan hukum ‘melindungi utusan’ (tidak boleh membunuh atau mengapa-apakan utusan), bukannya berkaitan dengan hukum menyambut dan memulikan tetamu. Bahkan, di dalam riwayat itu jelas sekali menunjukkan bagaimana kata-kata (sikap) Rasulullah SAW yang begitu keras terhadap utusan-utusan kaum kafir yang memusuhi Islam tersebut. Begitulah sikap yang seharusnya diambil oleh pemerintah Muslim ketika menghadapi penguasa kafir penjajah yang memusuhi Islam, yakni menekan, merendahkan, dan mengancam untuk memerangi mereka jika mereka tidak menghentikan permusuhan dan penganiayaan mereka terhadap umat Islam.

Begitu pula riwayat mengenai kunjungan Abu Sufyan ke Madinah, juga tidak ada kena-mengena dengan sambutan atau penghormatan kepada tetamu dari kalangan penguasa kafir. Kunjungan Abu Sufyan

(masih kafir ketika itu) ke Madinah adalah kerana ingin memperbaharui perjanjian dengan Rasulullah setelah sebelumnya orang-orang Quraisy menyerang Bani Khuza'ah yang merupakan sekutu Rasulullah dalam perjanjian. Serangan Quraisy ke atas Bani Khuza'ah tersebut merupakan tindakan memecahkan perjanjian Hudaibiyah yang telah ditandatangani antara kaum Quraisy dan Nabi SAW. Oleh kerana itu, Abu Sufyan terpaksa datang berjumpa Nabi SAW di Madinah untuk memperbaiki semula perjanjian damai yang telah mereka khianati. Ibnu Hisyam dalam Kitab Sirahnya menceritakan peristiwa ini sebagai berikut-

*“Ibnu Ishaq berkata, ‘Setelah itu, Abu Sufyan bin Harb datang ke tempat Nabi SAW. Ia berbicara dengan baginda, namun baginda SAW tidak mengendakkannya. Lalu, Abu Sufyan pergi ke tempat Abu Bakar, dan menyuruh Abu Bakar berbicara dengan Rasulullah, namun Abu Bakar berkata, ‘Aku tidak mahu’. Kemudian, Abu Sufyan bin Harb mendatangi rumah Umar bin Khattab dan berbicara dengannya, Umar malah berkata, ‘Adakah aku harus membelamu di hadapan Rasulullah? Demi Allah, jika aku hanya mendapatkan seekor semut kecil, aku akan memerangimu bersamanya’. Abu Sufyan keluar dari rumah Umar bin Khattab dan menemui Ali bin Abi Thalib yang saat itu sedang bersama dengan isterinya, Fathimah binti Muhammad SAW dan anak keduanya, Hasan bin Ali yang sedang merangkak. Abu Sufyan berkata, ‘Wahai, Ali, engkau adalah orang yang paling penyayang. Aku datang kepadamu untuk satu keperluan, oleh kerana itu, jangan pulangkan aku dalam keadaan gagal sepenuhnya. Belalah aku di hadapan Muhammad. Ali bin Abi Thalib berkata, ‘Celakalah kamu wahai Abu Sufyan! Demi Allah, Rasulullah SAW telah pun bertekad terhadap sesuatu dan tidak siapa bisa merubah (keputusan) baginda’. Abu Sufyan menoleh kepada Fathimah seraya berkata, ‘Wahai puteri Muhammad, mahukah engkau menyuruh anak kecilmu ini melindungi manusia, kemudian ia akan menjadi pemimpin Arab sepanjang zaman? Fathimah menjawab, ‘Demi Allah, anakku tidak boleh melindungi manusia dan seorangpun tidak boleh melindungi mereka dari Rasulullah SAW...Abu Sufyan lalu menaiki untanya dan pulang ke Makkah. Setibanya di Makkah, orang-orang Quraisy terus bertanya kepadanya, ‘Berita apa yang engkau bawa? Abu Sufyan berkata, ‘Aku datang kepada Muhammad kemudian berbicara dengannya, namun ia tidak menyahut sedikit pun. Kemudian aku datang kepada Abu Bakar, namun aku tidak melihat kebaikan sedikit pun dari dirinya. Lalu, aku menemui Umar bin Khattab dan mendapatinya orang yang paling keras permusuhan. Kemudian aku datang kepada Ali bin Abi Thalib dan mendapatinya orang yang paling lembut. Ia menasihati untuk melakukan sesuatu, namun demi Allah, aku tidak tahu apakah sesuatu itu bermanfaat bagiku atau tidak. Orang-orang Quraisy berkata, ‘Apa yang diperintahkan Ali bin Abi Thalib kepadamu?’ Abu Sufyan menjawab, ‘Aku disuruh untuk melindungi manusia dan aku pun melakukannya. Orang-orang Quraisy berkata lagi, ‘Apakah Muhammad membolehkannya? Abu Sufyan menjawab, ‘Tidak!. Orang-orang Quraisy berkata, ‘Celakalah engkau! Engkau telah dipermainkan oleh Ali bin Abi Thalib. Apa yang engkau katakan tadi sama sekali tidak bermanfaat bagimu’. Abu Sufyan berkata, ‘Demi Allah, aku tidak mempunyai pilihan lain”* [Ibnu Hisyam, Sirah an-Nabawiyah, hal.735].

Riwayat ini menunjukkan dengan sangat jelas, bagaimana sikap Rasulullah terhadap Abu Sufyan di mana baginda SAW sama sekali tidak mengendahkan kedatangannya, bahkan baginda siap ingin menyerang Makkah kerana pengkhianatan kaum Quraisy terhadap perjanjian Hudaibiyah. Nabi SAW tidak menerima dan menyambut Abi Sufyan bin Harb dengan sambutan kenegaraan yang penuh hormat, kemuliaan atau kasih, namun Rasulullah SAW (dan juga para sahabat) telah memperlakukan Abu Sufyan dengan sangat keras, hingga harga diri dan keangkuhan Abu Sufyan hancur luruh dalam keadaan yang memalukan. Justeru, dari arah manakah boleh dikatakan bahawa para penguasa negeri-negeri Islam wajib menerima, menyambut, dan memulikan tetamu dari kalangan para penguasa kafir yang jahat dan zalim itu, dengan alasan bahawa Nabi SAW pernah menerima dan menyambut Abu Sufyan bin Harb? Atas dasar itu, menggunakan kisah kedatangan Abu Sufyan ke Madinah adalah satu *istinbath* (penarikan hukum dari nas) yang salah lagi keliru! *Wallahu a'lam*.